



## **KENYATAAN MEDIA PROSEDUR OPERASI STANDARD PENUTUPAN SEKOLAH BERIKUTAN KEJADIAN JEREBU**

Berikut dari keadaan jerebu yang makin kritikal yang melanda negara ketika ini, beberapa penampaikan telah dilaksanakan oleh KPM

1. Pengumuman penutupan sekolah-sekolah akan disiarkan pada setiap hari selewat-lewatnya jam 6 petang.
2. Pengetua dan Guru Besar boleh mengumumkan penutupan sekolah sekiranya pada pandangan beliau keadaan jerebu semakin teruk berdasarkan trend bacaan IPU pada hari tersebut dan keputusan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada PPD dan Jabatan.
3. Bagi sekolah diumumkan tutup dan setelah murid-murid berada di sekolah, murid-murid masih boleh berada di sekolah dan PdP akan berjalan seperti biasa sehingga habis waktu persekolahan bagi sesi tersebut kecuali ada permintaan waris untuk membawa anak mereka pulang.
4. Guru-guru adalah diberi pilihan untuk berkerja dari rumah sekiranya sekolah terlibat dengan pengumuman penutupan. Pengetua dan Guru Besar hendaklah memastikan perkara ini dibuat mengambil kira kebijakan semua.
5. Semua sekolah di Selangor, Pulau Pinang, WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur, termasuk tadika akan ditutup selama 2 hari bermula esok, 19 September 2019.
6. Semua sekolah yang terlibat tidak perlu diganti kerana dikategorikan sebagai cuti bencana.
7. Murid-murid dan para guru adalah diingatkan untuk sentiasa mengutamakan kesihatan, minum air secukupnya dan kurangkan aktiviti di luar.
8. Para pentadbir sekolah pula haruslah mengikut SOP sedia ada pada setiap masa.
9. Bagi IPT, keputusan untuk menangguhkan sesi kuliah adalah terletak kepada keputusan pengurusan IPT masing-masing.